

## Perbezaan Etimologi dalam Qiraat al-Quran dan Kesannya kepada Pentafsiran : Kajian Terhadap Perkataan *Fa'azallahumā* (فَأَزَّلَهُمَا)

*Etymological Differences in Qiraat al-Quran and Its Effect on Interpretation: A Study of the Word Fa'azallahumā* (فَأَزَّلَهُمَا)

**Ismail Abd Halim<sup>1</sup>, Azhar Muhammad<sup>2</sup>, Ikmal Adnan<sup>3</sup>  
& Ahmad Asraff Ismail<sup>4</sup>**

- <sup>1</sup> (Corresponding Author) Faculty of Language Studies and Human Development Universiti Malaysia Kelantan, 16100, Malaysia, e-mail: khadimulquran@yahoo.com
- <sup>2</sup> Faculty of Language Studies and Human Development Universiti Malaysia Kelantan, 16100, Malaysia, e-mail: azhar.my@umk.edu.my
- <sup>3</sup> Department of Quran and Hadis, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: ikmal.adnan@kias.edu.my
- <sup>4</sup> Department of Quran and Hadis, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: asraffsanawi@gmail.com

### ABSTRAK

Perbezaan qiraat al-Quran bukan hanya menyentuh aspek loghat semata-mata, tetapi ia juga menyentuh aspek yang lain daripada itu termasuk aspek etimologi bagi suatu perkataan. Ini menimbulkan suatu persoalan yang besar mengenai kesannya kepada pentafsiran al-Quran memandangkan aspek etimologi merupakan perkara tunjang bagi suatu perkataan serta mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk berlaku perubahan makna yang ketara. Antara perkataan dalam al-Quran yang terdapat padanya perbezaan qiraat dalam aspek etimologi ini adalah perkataan *fa'azallahumā* (فَأَزَّلَهُمَا) dalam ayat 36 daripada surah al-Baqarah. Kajian ini bertujuan mengkaji kesan perbezaan qiraat yang terdapat pada perkataan tersebut kepada pentafsiran al-Quran serta mendapatkan kepastian apakah perbezaannya membawa kepada perbezaan pentafsiran yang ketara serta menentukan fungsi perbezaan tersebut. Kajian kualitatif yang bersifat kepustakaan ini dilakukan secara analisis deduktif dan induktif daripada kitab-kitab muktabar dalam lapangan bidang ilmu qiraat, tawjih qiraat, tafsir al-Quran dan ilmu bahasa Arab. Hasil kajian mendapati bahawa salah satu daripada dua bentuk bacaan yang berbeza tersebut iaitu bacaan *fa'azallahumā* memberi makna yang lebih luas iaitu menjawab persoalan yang timbul ketika membaca dengan bacaan *fa'azallahumā*. Selain itu, kajian ini juga telah memandang tepat (tarjih) pendapat yang mengatakan bahawa bacaan *fa'azallahumā* bermaksud “syaitan menggoda Adam dan Hawa” dan bukan “menghalau atau menggelincirkan” berdasarkan beberapa hujah.

**Kata Kunci:** Qiraat; Pentafsiran; *Fa'azallahumā*; Kesan Qiraat

## ABSTRACT

The difference in qiraat of al-Quran does not only limited on the aspect of elocution alone, but it also touches on other aspects that including the etymological aspect of a word. This study seeks to examine the influence of qiraat differences found in the word *fa'azallahumā* (فَأَزْلَهُمَا) in verse 36 of surah al-Baqarah on the interpretation of the Qur'an. This is because the differences involve etymological differences and have a high likelihood of significant variations in meaning. This study was conducted through deductive and inductive examination of the books of muktabar in the area of Qiraat, Tawjih Qiraat, Tafsir al-Quran and Arabic language. The outcomes of the study found that one of the two different forms of reading that is the reading of *fa'azallahumā* gives a broader meaning that is to answer questions that arise when reading the word *fa'azallahumā*. Moreover, this study also looked at the exact (*tarjih*) opinion that says the reading of *fa'azallahumā* implies the meaning of "the satan seduces Adam and Eve" and does not mean "drive away or derail" as based on several arguments.

**Keywords:** Qiraat; Interpretation; *Fa'azallahumā*; Effect of Qiraat

---

## 1. Pendahuluan

Ilmu qiraat merupakan salah satu cabang ilmu syariat yang berkaitan dengan tatacara membaca al-Quran. Ilmu ini kurang mendapat pendedahan tentang hakikatnya dalam kalangan masyarakat Malaysia terutamanya berkaitan kesannya kepada pentafsiran al-Quran. Ini dibuktikan oleh kajian Mohd A'Tarrahim Mohd Razali (2016) yang telah membuat kajian pendedahan ilmu qiraat dalam kalangan ilmuwan Islam di Terengganu. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa ramai dalam kalangan mereka tidak mengetahui kesan qiraat kepada pentafsiran. Padahal, ilmu qiraat merupakan ilmu yang penting dan amat berkait rapat dengan pentafsiran sehingga dijadikan satu syarat dalam pentafsiran al-Quran (Nuruddin 'Itr, 1993).

Selain itu, ilmu qiraat juga turut menjadi sasaran musuh Islam bagi menyebarkan diayah mereka kononnya al-Quran bukan daripada Allah SWT kerana terdapat kelemahan iaitu percanggahan makna antara satu sama lain hasil daripada perbezaan qiraat al-Quran. Ini seperti yang dilakukan oleh orientalis yang bernama Ignac Goldziher (1955).

Terdapat pelbagai bentuk perbezaan qiraat dalam al-Quran. Ada yang tiada langsung melibatkan perubahan makna dan hanya melibatkan perubahan cara sebutan atau loghat seperti perbezaan antara bacaan *fath* dan *imalah*, *naql* dan *tahqiq*, *tashil* dan *ibdal* dan seumpamanya. Ada yang melibatkan perubahan sedikit seperti perbezaan ganti nama, bentuk *fil* dan seumpamanya

dan ada yang banyak seperti perbezaan asal perkataan atau etimologi sebagaimana aspek kajian ini, namun semuanya tidak membawa kepada percanggahan antara satu sama lain tetapi membawa fungsi dan peranan tertentu.

Kajian ini membincangkan kesan perbezaan qiraat daripada bentuk yang boleh memberi perubahan kepada makna dan pentafsiran al-Quran kerana ia melibatkan perbezaan etimologi bagi qiraat yang berbeza tersebut dan perkataan yang dipilih adalah perkataan pertama daripada bentuk ini yang terdapat dalam al-Quran iaitu perkataan *fa'azallahumā* pada ayat 36 surah al-Baqarah. Penulis memilih perkataan *fa'azallahumā* ini sebagai subjek perbincangan adalah kerana ia merupakan perkataan pertama yang mempunyai perbezaan qiraat dari aspek Variasi Etimologi berdasarkan tertib al-Quran.

Kajian ini dilihat penting kerana ia mampu menyumbang kepada perkembangan ilmu yang positif terutamanya ilmu berkaitan al-Quran khususnya ilmu qiraat memandangkan ia suatu ilmu yang masih baru dikenali oleh masyarakat awam. Ini diperakui oleh satu kajian tinjauan terhadap kajian ilmiah dan pembukuan ilmu qiraat ke dalam bahasa melayu yang mendapati bahawa ia agak sedikit dan kurang membantu dalam perkembangan ilmu qiraat (Sumayyah Ali@Awang dan Abdul Hafiz Abdullah, 2016). Kajian ini juga mampu menjadi bukti bahawa perbezaan qiraat itu memberi kesan kepada pentafsiran al-Quran sekali gus berupaya merawat salah faham dalam masyarakat yang memandang remeh terhadap kepentingan ilmu qiraat kerana ia hanya berkaitan dengan cara bacaan.

Selain itu, kajian ini juga mampu memberi gambaran yang jelas dan juga sebagai bukti terhadap pernyataan para ulamak qiraat bahawa perbezaan qiraat tidak membawa kepada percanggahan makna tetapi hanya setakat membawa kepada kepelbagaiannya makna (Nabil Muhammad, 2000).

## 2. Sorotan Literatur

Kajian berkaitan perbezaan bentuk qiraat dan kesannya kepada pentafsiran telah dijalankan oleh para pengkaji terdahulu. Namun, belum ditemui kajian khusus kepada perbezaan berdasarkan etimologi. Antara bentuk kajian lalu tentang perbezaan qiraat adalah mengenai perbezaan binaan *sarf*, tetapi skopnya hanya kepada qiraat tujuh melalui jalur Imam al-Shatibi (Mansur Said Ahmad, 1426H). Hasil kajian mendapati sebanyak 800 tempat perbezaan qiraat yang terlibat dengan kategori perbezaan binaan *sarf*. Antaranya ada yang tidak memberi kesan kepada makna atau ada yang memberi kesan yang sedikit, tetapi terdapat juga yang memberi kesan yang besar sehingga memberi impak perubahan makna sepenuhnya.

Menariknya, antara perkara yang disentuh oleh Mansur Said Ahmad (1426H) adalah “*Ikhtilaf al-Jazr*” iaitu perbezaan pada akar pecahan suatu

perkataan. Ia sebenarnya sama dengan perbezaan etimologi, namun perbahasannya tidak meliputi semua tempat kerana penulis hanya membawa beberapa contoh dan juga tidak meliputi kesemua *Qiraat Mutawatirah* yang sepuluh.

Selain perbezaan binaan *sarf*, perbezaan tanda *i'rab* juga pernah dikaji oleh Mabruk Hamud al-Shamri (2001). Kajian ini mendapati bahawa perbezaan *i'rab* dalam Ilmu qiraat adakalanya membawa kepada perbezaan makna dan adakalanya maknanya tetap satu dan tidak berubah. Seterusnya, kajian ini mendapati bahawa kebanyakan ulama Basrah cuba untuk mentakwil qiraat yang tidak sealiran dengan mazhab mereka, sedangkan ulama Kufah menjadikan qiraat sebagai pegangan mereka dalam membina kaedah-kaedah ilmu nahu sekaligus menunjukkan kekuatan dan keistimewaan mazhab Kufah. Ini boleh dilihat dalam masalah perbezaan qiraat pada perkataan *wa al-arḥām* (وَالْأَرْحَام) di mana mazhab Kufah membenarkan 'ataf kepada *jar* dan *majrur*, sedangkan mazhab Basrah tidak membenarkan perkara demikian lalu mereka menjadikan huruf waw pada perkataan tersebut sebagai waw sumpah (*qasam*).

Muhammad al-Hawawishah (2011) telah mengkaji berkaitan pembuangan dan penambahan dalam qiraat al-Quran. Skop kajian beliau adalah meliputi Qiraat Sepuluh dan juga *shadhdhah*. Kajian ini mendapati bahawa perselisihan ulama pada menentukan andaian kalimah yang dibuang kadangkala membawa kepada perselisihan makna sekaligus mendorong para ulama fekah juga berselisih padanya. Selain itu, kajian ini juga menyatakan bahawa penambahan dalam qiraat turut memberi sumbangan kepada pentafsiran al-Quran. Seterusnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penambahan lafadz bukan hanya wujud dalam *Qiraat Shadhdhah* tetapi juga terdapat dalam *Qiraat Sahihah*.

Seterusnya, terdapat juga kajian yang menyentuh aspek perbezaan bentuk *balaghah*. Antaranya kajian yang dilakukan oleh Muhammad Ahmad al-Jamal (2005) yang menyentuh hubungan antara kepelbagaian qiraat dengan ilmu *balaghah* sehingga berupaya menzahirkan kekayaan makna al-Quran. Antara dapatan kajian ini adalah memastikan kebenaran dakwaan bahawa satu qiraat itu seumpama satu ayat al-Quran, maka berbilangnya qiraat al-Quran boleh diiktibarkan sebagai salah satu daripada bahagian ilmu *Balaghah* iaitu kecantikan bahasa melalui ringkasan (*Jamal al-Ijaz*). Kajian ini juga menguatkan kenyataan bahawa *Qiraat Mutawatirah* itu peranannya adalah sebagai penentu (*hakim*) kepada nahu bukan sebaliknya. Justeru itu, pendirian sebahagian ahli nahu dan tafsir terhadap qiraat dengan nada melemahkan dan mengkritiknya adalah satu pendirian yang tidak benar.

Sementara itu, 'Abd al-'Aziz al-Harbi (1997) meneroka dimensi baru dalam kajian kepelbagaian qiraat. Beliau telah mengkaji berkaitan perkara yang terdapat kemosyikilan dalam Qiraat Sepuluh dari sudut makna, tatabahasa dan aplikasi di samping menerangkan sebab kemosyikilan tersebut serta jawapan terhadapnya dengan menumpukan kepada bab *Farsh Huruf* sahaja.

Kajian ini telah memberikan jawapan secara berfakta dalam menangani kritikan sebahagian ulama terhadap qiraat yang pada zahirnya nampak bercanggah dengan tatabahasa Arab atau makna al-Quran tetapi hakikat sebenar di sebaliknya terdapat makna tersirat dan mendalam dalam pentafsiran. Namun, kajian ini menyatakan sebab kritikan sebahagian ulama terhadap qiraat yang sahih adalah kerana kurang pengetahuan mereka terhadap kesahihan qiraat tersebut di samping tidak menafikan wujudnya pengaruh perselisihan manhaj Basrah dan Kufah dalam masalah ini.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengumpulkan data-data perpustakaan. Pengumpulan data adalah daripada kitab-kitab bahasa Arab terutamanya kitab yang membincangkan asal suatu perkataan Arab seperti *mu'jam* dan kamus bahasa Arab. Selain itu, kitab *Tawjih Qiraat* juga perlu dilibatkan kerana ia merupakan karya ulama yang membincangkan topik ayat-ayat qiraat secara khusus. Hampir semua kitab *Tawjih Qiraat* dijadikan rujukan dalam kajian ini. Di samping itu, penyelidik juga mengumpulkan data daripada kitab-kitab tafsir bagi mendapatkan pandangan ulama tafsir dalam persoalan ini. Kitab-kitab tafsir yang dijadikan rujukan oleh penyelidik adalah merujuk kepada penulisan yang membahaskan tentang ilmu qiraat dan bukan ringkasan daripada kitab tafsir tertentu.

Dari sudut analisis data, kajian ini berasaskan kepada analisis kandungan dengan menggunakan pendekatan induktif (*istiqra'*) dan juga deduktif (*istinbat*). Induktif digunakan bagi mencari kesimpulan terhadap pandangan ulama sama ada ulama *Tawjih Qiraat* atau ulama tafsir terhadap makna perkataan *fa'azallahumā* (فَأَرْلَهُمَا) dan *fa'azālahumā* (فَأَرْلَهُمَا). Deduktif pula, adalah untuk mengenalpasti kesan qiraat kepada pentafsiran berdasarkan kesimpulan yang telah diperolehi daripada penguraian para ulama.

### 4. Dapatan dan Perbincangan

#### 4.1 Maksud Perbezaan Etimologi

Etimologi adalah bermaksud cabang ilmu linguistik yang mengkaji asal usul dan perkembangan sesuatu kata (Noresah Baharom, 2015). Raja Masitah Raja Ariffin (2014) menyatakan bahawa kajian etimologi adalah suatu kajian yang meneliti asal usul suatu kata dan perkembangannya termasuklah perubahannya dalam bentuk dan makna. Mohd Hafiz Abdul Karim dan Shayuthy Abdul Manas (2017) menggunakan perkataan “etimologi” bagi mengambarkan kajian mereka yang meneliti maksud asal bagi perkataan “Takaful” dalam

terminologi “*al-Takaful al-Ijtima'i*” menerusi penggunaan perkataan tersebut dalam al-Quran dan Hadis. Tujuan mereka adalah untuk mengkaji bagaimana *dilalah* (semantik) perkataan “takaful” dalam al-Quran dan hadis mempengaruhi pendefinisiannya dalam terminologi “*al-Takaful al-Ijtima'i*”.

Begitu juga Supardin (2019) yang telah mengkaji mengenai asal usul *Inna wa Akhawatuha* dan korelasinya dalam memahami ayat-ayat al-Quran. Beliau telah menggunakan perkataan “etimologi” bagi menggambarkan kajian beliau tersebut. Ini boleh disimpulkan bahawa perkataan “etimologi” boleh digunakan bagi menggambarkan suatu kajian mengenai asal usul dan perkembangan suatu perkataan sama ada daripada aspek sejarahnya atau daripada aspek perkembangan maknanya. Dalam konteks kajian ini, perbezaan *qiraat* yang melibatkan bentuk perbezaan etimologi merujuk kepada perbezaan asal usul atau dasar perkataan dari sudut makna dan juga bentuk.

#### 4.2 Perkataan *Fa'azallahumā* (فَأَرْأَيْتُهُمَا) dan Perbezaan *Qiraat Padanya*

Perkataan *fa'azallahumā* yang dimaksudkan adalah yang berada pada firman Allah SWT berikut:

فَأَرَأَيْتَهُمَا الشَّيْطَانُ عَنْهَا فَأَخْرَجَهُمَا مِمَّا كَانَا فِيهِ وَقُلْنَا أَهْبِطُوا بَعْضُكُمْ لِيَعْضِ عَدُوٌّ وَلَكُمْ  
فِي الْأَرْضِ مُسْتَقْرٌ وَمَتَّعٌ إِلَى حِينٍ

Terjemahan : “Setelah itu maka Syaitan menggelincirkan mereka berdua dari syurga itu dan menyebabkan mereka dikeluarkan dari nikmat yang mereka telah berada di dalamnya dan Kami berfirman: "Turunlah kamu! Sebahagian dari kamu menjadi musuh kepada sebahagian yang lain dan bagi kamu semua disediakan tempat kediaman di bumi, serta mendapat kesenangan hingga ke suatu masa (mati)” (al-Baqarah, 2:36)

Imam Ibn al-Jazari (2000) telah menyebut dalam matan *Tayyibah al-Nashr* yang berbunyi ”وَأَرَالْفِي أَرْلَفُوز“ iaitu dengan terdapat dua bacaan pada perkataan *fa'azallahumā* dalam ayat ini iaitu:

- i. Bacaan pertama adalah *fa'azallahumā* (فَأَرْأَيْتُهُمَا) iaitu dengan tiada alif antara huruf zal dan lam serta huruf lam disabdukan.
- ii. Bacaan kedua pula adalah *fa'azālahumā* (فَأَرْأَيْتُهُمَا) iaitu dengan mewujudkan alif antara huruf zal dan lam serta huruf lam tidak disabdukan.

Bacaan pertama adalah dinisahkan kepada majoriti Qiraat Sepuluh selain Qiraat Imam Hamzah, manakala bacaan kedua pula dinisahkan kepada

Qiraat Imam Hamzah sahaja (Muhammad Salim Muhsin, 1997; Ibn al-Jazari, 2000).

#### **4.3 Perkataan *Fa'azallahumā* (فَأَزَّلَهُمَا) dan Perbezaan Etimologi**

Berdasarkan kitab-kitab *tawjih qiraat* dapat disimpulkan bahawa ulama *tawjih qiraat* bersepakat dalam menentukan bacaan pertama iaitu didasari daripada *Fi'il Thulathi Mazid* (kata kerja empat huruf yang satu daripadanya adalah huruf tambahan) yang berasal daripada perkataan *zall* (ذل), manakala bacaan kedua pula adalah daripada *Fi'il Thulathi Mazid* (kata kerja empat huruf yang satu daripadanya adalah huruf tambahan) yang berasal daripada perkataan *zāl* (زل) (al-Farisi, 1984; Muhammad Salim Muhsin, 1997; Makki Abi Talib al-Qaisi, 1974; al-Nuwairi, 2003; Ibn Abi Maryam, 1993; Abu Zur'ah, 1997; Ibn Khalawaih, 1979; Muhammad Salim Muhsin, 1988; Ibn al-Jazari, 2000).

Selain itu, kedua-dua bacaan tersebut juga mempunyai makna yang berbeza. Ulama *tawjih qiraat* berbeza pendapat dalam menentukan makna *zall* (ذل) pada bacaan pertama. Ada menyatakan bahawa ia bermakna kesilapan (Abu Zur'ah, 1997; Muhammad Salim Muhsin, 1988; Ibn al-Jazari, 2000) dan ada juga menyatakan bahawa ia bermakna gelincir, tidak tetap pada suatu tempat, meninggalkan dan menjauhi daripada sesuatu (al-Farisi, 1984; Muhammad Salim Muhsin, 1997; Makki Abi Talib al-Qaisi, 1974; al-Nuwairi, 2003; Ibn Abi Maryam, 1993; Muhammad Salim Muhsin, 1988).

Makna pertama bagi perkataan *zall* (ذل)dilihat berbeza daripada makna yang terkandung dalam perkataan *zāl* (زل). Ini menjadi satu lagi justifikasi bahawa perbezaan dua bacaan tersebut adalah daripada bentuk perbezaan etimologi kerana perbezaan makna yang terdapat pada *qiraat-qiraat* tersebut adalah daripada rumpun perkataan yang berbeza. Perbezaan rumpun lafaz perkataan dan juga makna tunjang di antara *fa'azallahumā* dan *fa'azālahumā* menzhirkan justifikasi bahawa perbezaan qiraat pada perkataan ini adalah daripada perbezaan etimologi dan sesuai untuk menjadi subjek perbincangan kajian ini.

#### **4.4 Makna Perkataan *Fa'azallahumā* (فَأَزَّلَهُمَا) dan *Fa'azālahumā* (فَأَزَّلَهُمَا)**

Kedua-dua bacaan ini adalah merupakan *Fiil Ruba'i Mazid* dengan penambahan huruf hamzah sebelum huruf asal. Perkataan asal bagi bacaan *fa'azallahumā* (فَأَزَّلَهُمَا) adalah *zall* (ذل) manakala bagi bacaan *fa'azālahumā* (فَأَزَّلَهُمَا) adalah *zāl* (زل). Secara umum perkataan *zall* (ذل) atau *masdar*-nya *zallan* (ذل) dan *zalūlan* (زلولاً) membawa kepada beberapa makna iaitu tergelincir, kesilapan, meninggalkan, sampai, berlalu pergi, berlalu dengan cepat dan berkurangan (Shawqi Daif, 2004; Ibn Manzur, 2003; al-Zabidi, 1997). Kata Ibn al-Athir: “Asalnya adalah daripada *al-zalīl* (الزليل) iaitu perpindahan jisim daripada satu tempat ke satu tempat yang lain” (Ibn Manzur,

2003). Perkataan ini ditambah pada awalnya dengan huruf hamzah yang berfungsi sebagai *ta'diyah* (Abu Hayyan al-Andalusi, 2010) iaitu menjadikan *fiil zall* (عَلَى) yang bersifat *lazim* kepada *muta'addi* (Ahmad al-Hamalawi, 1999).

Manakala perkataan *zāl* (زال) atau *masdar*-nya *zawālan* (زَوَالاً) dan *zawlānā* (زَوْلَانَةً) secara umum memberi maksud berpindah, berubah, condong, terangkat tinggi, hilang dan menzahirkan (Shawqi Daif, 2004; Ibn Manzur, 2003; al-Zabidi, 1997). Perkataan ini juga ditambah pada awalnya dengan huruf hamzah yang berfungsi sebagai *ta'diyah* sebagaimana halnya perkataan *zall* (عَلَى) di atas.

Walaupun dua perkataan tersebut secara umumnya membawa kepada banyak makna, namun dalam konteks surah al-Baqarah ayat 36 ini para ilmuwan dalam kalangan ahli qiraat dan tafsir secara sepakat menyatakan bahawa *Qiraat Hamzah* iaitu *fa'azālahumā* hanya memberi satu makna iaitu tidak tetap pada suatu tempat, perpindahan daripada suatu tempat ke tempat yang lain atau semakna dengannya. Al-Farisi (1984), Makki Abi Talib al-Qaisi (1974) dan Ibn Abi Maryam (1993) mengatakan bahawa perkataan *fa'azālahumā* adalah lawan kepada *thubut* iaitu tetap pada suatu tempat yang tersirat dalam firman Allah Taala sebelumnya iaitu *us kun* (اسْكُنْ). Maka, makna perkataan *fa'azālahumā* melalui kenyataan ini adalah syaitan menjadikan kedudukan Adam dan Hawa tidak tetap di tempat tersebut.

Ada juga yang menyatakan bahawa bacaan *fa'azālahumā* bermaksud syaitan menjauhkan mereka daripada syurga atau keadaan semasa yang mereka sedang berada ketika itu. Ini disebut oleh Muhammad Salim Muhaisin (1997), Al-Nuwairi (2003), Abu Zur'ah (1997), Abu Shamah al-Dimashqi (t.t), Ibn Khalawaih (1979), Ibn al-Jazari (2000), Ibn Kathir (2000), al-Baghawi (1409H), Al-Samarqandi (1993), al-Tabari (2001), al-Tha'labi (2015), Ibn 'Atiyyah al-Andalusiy (2001) dan ramai lagi. Semua ini menunjukkan kesepakatan para ulama dalam menyatakan bahawa makna *fa'azālahumā* adalah syaitan menjadikan Adam dan Hawa meninggalkan atau dijauhkan daripada syurga walaupun berbeza-beza gaya bahasa yang mereka gunakan.

Selain itu, bagi bacaan *fa'azālahumā* para ulama sepakat bahawa *harf 'an* (عن) pada perkataan *'anhā* (عنهما) adalah memberi makna "daripada" (Al-Farisi, 1984; Makki Abi Talib al-Qaisi, 1974; Muhammad Salim Muhaisin, 1997; Al-Nuwairi, 2003; Ibn Abi Maryam, 1993; Muhammad Salim Muhaisin, 1988; Ibn Kathir, 2000; al-Razi, 1981; Ibn 'Atiyyah al-Andalusiy, 2001; al-Baidawi, 1998; Abu Hayyan al-Andalusi, 2010; Al-Alusi, 1994; dan Al-Zamakhshari, 2009). Namun, terdapat sedikit perbezaan pendapat pada tempat kembali *damir* (ganti nama) *hā* (هـ). Majoriti ulama mengatakan ia kembali kepada syurga, namun ada segelintir ulama yang mengharuskan tempat kembalinya kepada "ketaatan". Antara yang mengharuskan ialah Abu Hayyan al-Andalusi (2010) dan Al-Tha'labi (2015).

Menurut Abu Hayyan al-Andalusi, kembalinya *damir* kepada “syurga” kerana ia perkataan pertama yang disebut dalam ayat ini, namun boleh juga dikembalikan *damir* itu kepada “ketaatan” yang difahami daripada firman Allah Taala *wa lā taqrabā* (ولا تقربا) kerana tindakan Nabi Adam dan Hawa adalah berlawanan dengan larangan yang terkandung dalam firman tersebut. Ulama tidak mengembalikan *damir* kepada kata nama yang paling dekat (*Aqrab al-Mazkur*) iaitu “pokok” kerana ia akan menjadikan makna ayat mustahil untuk difahami.

Adapun perkataan *fa’azallahumā*, secara umumnya terdapat dua makna yang diberikan oleh para ulama. Makna pertama adalah seerti dengan makna yang terkandung pada bacaan *fa’azālahumā*, manakala makna kedua ialah makna yang berbeza iaitu syaitan mendorong Adam dan Hawa melakukan kesalahan.

Walaupun kefahaman makna pertama bagi perkataan *fa’azallahumā* adalah sama dengan bacaan *fa’azālahumā*, namun ia tetap tersirat sedikit perbezaan. Al-Alusi (1994) menyebutkan “dua perkataan ini hampir maknanya akan tetapi bacaan *fa’azallahumā* tersirat padanya makna jatuh berserta perubahan tempat”(ms. 237). Ini menunjukkan bacaan *fa’azallahumā* membawa makna yang lebih luas berbanding bacaan *fa’azālahumā*.

Pendirian ulamak *tawjih qiraat* dalam menghadapi dua makna ini ada dua, iaitu:

- i. Mengharuskan kedua-dua makna tanpa pentarjihan. Ini adalah pendirian majoriti ulama *tawjih qiraat* yang antaranya adalah seperti Al-Farisi (1984), Makki Abi Talib al-Qaisi (1974), Muhammad Salim Muhsin (1997), Al-Nuwairi (2003), Ibn Abi Maryam (1993), Abu Shamah al-Dimashqi (t.t) dan Muhammad Salim Muhsin (1988).
- ii. Menyatakan hanya makna kedua. Antara yang berpendirian seperti ini ialah Imam Ibn al-Jazari sendiri dalam kitab *Tayyibah*-nya (Ibn al-Jazari, 2000), Abu Zur’ah (1997) dan Ibn Khalawaih (1979).

Begitu juga dalam kalangan ulama tafsir, terdapat dua pendirian sebagaimana ulama *tawjih qiraat*. Antara yang mengharuskan kedua-dua makna ialah Ibn Kathir (2000), al-Razi (1981), Ibn ‘Atiyyah al-Andalusiy (2001), al-Baidawi (1998), al-Nasafi (t.t), Abu Hayyan al-Andalusi (2010), Abu al-Sa’ud al-‘Amadi )t.t(, Al-Alusi (1994) dan Al-Zamakhshari (2009), manakala yang hanya menyatakan makna kedua adalah al-Tabari (2001), al-Samarqandi (1993), al-Tha’labi (2015), al-Baghawi (1409H), al-Tha’alibi (1997), al-Suyuti (2011) dan al-Khazin (2004). Kata al-Baidawi (1998) “(Makna) *fa’azallahumā* adalah syaitan mendorong mereka berdua melakukan kesalahan disebabkan olehnya (pokok) atau dengan makna menjauhkan

mereka daripada syurga. Ia disokong oleh bacaan Imam Hamzah iaitu *fa’azālahumā* dan makna kedua-duanya adalah hampir” (ms. 72).

Antara hujah yang menyokong pentafsiran makna pertama adalah hakikat makna yang terkandung pada perkataan *fa’azallahumā* itu sendiri ini kerana makna asalnya adalah kegelinciran kaki daripada satu tempat. Namun, ia digunakan juga bagi menggambarkan suatu kesalahan atas dasar penyamaan (*tashbih*) kegelinciran objek berjisim dengan kegelinciran perilaku atau kata-kata (Muhammad Salim Muhsin, 1997; al-Tha’alibi, 1997; Abu Hayyan al-Andalusi, 2010).

Selain itu, bacaan *Qiraat Hamzah, fa’azālahumā* (فَأَزَّلَهُمَا) juga menjadi hujah kepada makna pertama ini kerana kewujudannya menjadi penguat (*ta’kid*) melalui metod pengulangan makna (al-Baidawi, 1998; al-Alusi, 1994). Penyelidik menyatakan bahawa ia juga boleh dianggap sebagai pentafsiran al-Quran dengan al-Quran kerana setiap *qiraat* itu adalah mempunyai tahap yang sama sebagai al-Quran.

Manakala, antara hujah bagi menyokong makna kedua adalah penggunaan lafadz *fawaswas* (فَوْسَوْسٌ) dalam ayat 20 surah al-A’raf (Makki Abi Talib al-Qaisi, 1974). Ini juga termasuk daripada pentafsiran al-Quran dengan al-Quran. Turut menguatkan makna kedua ini kewujudan *qiraat shadhdhah* yang disandarkan kepada Abdullah (al-Nuwairi, 2003). Selain itu, takwilan Ibn Abbas terhadap perkataan *fa’azallahumā* dengan *aghwāhumā* (أَغْوَاهُمَا) yang membawa maksud syaitan memperdayakan mereka berdua juga menjadi hujah kepada makna kedua ini (al-Tabari, 2001).

Seterusnya, apabila dibawa perkataan *fa’azallahumā* kepada makna kedua, maka makna perkataan ‘*anhā*’ (عَنْهَا) juga turut berubah. Tetapi, perkara ini hanya dibincangkan oleh ulama tafsir sahaja, tiada ulama *tawjih qiraat* mendedahkannya. Adapun perkataan ‘*an*’ (عن), maka ia bermaksud “dengan sebab” iaitu *li al-Ta’lil* (Ibn Hisyam, 2003) sedang *damir hā* (هَا) pula merujuk kepada pokok iaitu kata nama yang paling dekat dengan lafadz ‘*anhā*’ (عَنْهَا) (*aqrab al-mazkur*) (Ibn Kathir, 2000; Ibn ‘Atiyyah al-Andalusiy, 2001; Al-Baidawi, 1998; Al-Alusi, 1994; Al-Zamakhshari, 2009).

#### 4.5 Pentafsiran Ayat Berdasarkan Perbezaan Qiraat

Secara kesimpulannya, ayat 36 surah al-Baqarah ini boleh ditafsirkan dengan dua pentafsiran. Pentafsiran pertama ialah pentafsiran *ijmali* iaitu tanpa keterangan yang terperinci. Pentafsiran ini digarap daripada bacaan Qiraat Hamzah *fa’azālahumā* (فَأَزَّلَهُمَا) dan juga bacaan majoriti *fa’azallahumā* (فَأَزَّلَهُمَا) dengan kefahaman makna pertama (pengusiran). Ia berbunyi seperti “lalu syaitan menjauhkan mereka berdua (Adam dan Hawa) daripada syurga iaitu mengeluarkan mereka daripada tempat yang mereka sedang berada”.

Pentafsiran kedua pula bersifat memberi perincian terhadap sebab mengapa Adam dan Hawa dikeluarkan daripada syurga. Ini kerana pada

pentafsiran pertama terdapat persoalan tentang bagaimana syaitan mampu mengeluarkan mereka berdua. Maka, pentafsiran kedua menjawab persoalan tersebut iaitu syaitan mengeluarkan mereka berdua dengan godaan dan tipu daya bukan dengan kekuatan dan kekuasaan. Pentafsiran kedua berbunyi “lalu syaitan mendorong mereka berdua melakukan kesalahan dengan sebab pokok tersebut lantas mengeluarkan mereka daripada tempat mereka berada”. Pentafsiran ini digarap daripada kefahaman makna kedua (kesalahan) terhadap bacaan majoriti (*fa’azallahumā*).

#### **4.6 Kesan Perbezaan Etimologi kepada Ayat 36 Surah al-Baqarah**

Penyelidik mendapati bahawa perbezaan qiraat yang terdapat dalam ayat ini tidak membawa kepada percanggahan kepada pentafsiran al-Quran. Perbezaannya hanya memberi kesan kepada keluasan dan perincian makna sahaja iaitu daripada kefahaman yang hanya terbatas kepada pengeluaran Adam dan Hawa daripada syurga kepada keterangan sebab mengapa mereka dikeluarkan daripada syurga.

#### **4.7 Penentuan Pentafsiran (*tarjih*) yang Paling Tepat bagi Ayat 36 Surah al-Baqarah**

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa terdapat dua pendapat dalam menentukan makna perkataan *fa’azallahumā* yang perlu ditentukan ketepatannya (*tarjih*). Namun, perlu dijelaskan bahawa *tarjih* ini adalah merujuk kepada pentafsiran makna oleh para sarjana Islam terhadap perkataan *fa’azallahumā* dan ia bukan *tarjih* Qiraat Mutawatirah ke atas Qiraat Mutawatirah.

Berdasarkan penelitian, penyelidik berpandangan bahawa makna kedua iaitu “syaitan mendorong mereka berdua kepada kesalahan” adalah lebih tepat kerana beberapa sebab dan hujah, iaitu:

- i. Wujud elemen pentafsiran al-Quran dengan al-Quran. Ini sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini iaitu terdapat ayat lain dalam surah al-A’raf ayat 20 yang menggunakan lafadz *fawaswas* (فوسوس) selepas lafadz *min al-żālimīn* (من الظالمين).
- Namun, mungkin ada yang akan menyangkal kerana elemen yang sama juga wujud pada pemilihan makna pertama. Jawapan kepada sangkalan ini adalah bahawa terdapat perbezaan antara dua elemen ini. Elemen pentafsiran al-Quran dengan al-Quran pada pemilihan makna pertama adalah dalam bentuk yang tidak pasti dan tetap kerana makna yang terkandung pada *fa’azallahumā* boleh dibawa kepada dua makna. Adapun kewujudan elemen ini pada pentafsiran makna kedua adalah dalam bentuk yang pasti dan tetap

- kerana perkataan *fawaswas* (فَوْسُوسٌ) tidak membawa kepada makna lain selain “membisikkan keraguan dan was-was”.
- ii. Pentafsiran Ibn Abbas terhadapnya dengan “syaitan memperdayakan mereka berdua” sebagaimana hujah yang dikemukakan oleh Imam al-Tabari (al-Tabari, 2001). Sandaran kepada pentafsiran Ibn Abbas ini merupakan pentafsiran yang beralaskan kepada tafsir sahabat Nabi SAW. Imam Ibn Taimiyah (1972) menyatakan bahawa mentafsirkan al-Quran dengan pernyataan para sahabat adalah berada di peringkat ketiga iaitu selepas tiada nas al-Quran atau hadis yang mentafsirkan ayat tersebut. Selain itu, kredibiliti Ibn Abbas secara khusus sebagai ahli tafsir tidak terhenti setakat kedudukannya sebagai sahabat Nabi SAW bahkan beliau merupakan ahli tafsir yang diiktiraf oleh para sahabat sehingga mendapat julukan *Tarjuman al-Quran* (pentafsir al-Quran). Kata Abdullah: “sebaik-baik pentafsir al-Quran (*Tarjuman al-Quran*) ialah Ibn Abbas”. Kata Ibn Umar pula: “Dia (Ibn Abbas) adalah orang paling alim dalam kalangan yang masih ada berkaitan dengan apa yang diturunkan ke atas Muhammad SAW” (Ibn Hajar al-Asqalaniy, 2008).
- iii. Kewujudan *qiraat shadhdhah* mengantikan bacaan *fa'azallahumā* yang disandarkan kepada Abdullah bin Mas'ud yang berbunyi “فَوْسُوسٌ لِهِمَا الشَّيْطَانُ عَنْهُمَا” (al-Nuwairi, 2003; Muhammad al-Nawzawazi, 2018; Sufyan al-Thawri, 1983; Ibn Abi Dawud, 2002). Hujah ini adalah berasaskan kepada pendapat majoriti ulama yang menetapkan bahawa *qiraat shadhdhah* boleh dijadikan hujah dalam pentafsiran al-Quran kerana ia setaraf dengan hadis Nabi SAW (Ibn Qudamah, 1998; Ahmad al-Kurani, 2008) atau setidaknya ia dalam kategori pernyataan para sahabat sebagaimana pegangan setengah ulamak lain (Abdullah al-Qurashi, 1430H).
- iv. Pentafsiran bacaan *fa'azallahumā* dengan makna kedua dapat mengelak daripada pengulangan dalam satu ayat. Hal ini kerana selepas perkataan *fa'azallahumā* terdapat perkataan *fa'akhrajahumā* (فَأَخْرَجَهُمَا) yang juga memberi erti yang sama iaitu mengeluarkan mereka berdua daripada syurga. Ulama ada memberi jawapan tentang aspek pengulangan ini dengan beberapa jawapan yang menjelaskan bahawa pengulangan tersebut mempunyai faedahnya tersendiri seperti menguatkan penegasan (*ta'kid*) (Ibn Abi Maryam, 1993) atau yang pertama mengeluarkan daripada syurga manakala yang kedua mengeluarkan daripada kesenangan secara keseluruhan walaupun di luar syurga (al-Farisi, 1984). Namun, menjadikan makna lebih luas dan lebih menambah kefahaman ayat adalah lebih baik.

## 5. Kesimpulan

Kajian terhadap perbezaan etimologi dalam qiraat perlu dilanjutkan kepada perkataan-perkataan seterusnya dalam al-Quran kerana ia menampakkan kesan qiraat yang ketara kepada perbahasan makna ayat al-Quran dalam perbahasan pelbagai cabang ilmu-ilmu pengajian Islam. Berdasarkan kajian ini, kefahaman terhadap perbezaan qiraat menampilkan sisi pentafsiran yang lebih sempurna kerana ia menjawab persoalan yang sepatutnya dijawab dalam huraihan ayat tetapi dengan kefahaman ini persoalan tersebut telah terjawab melalui perantara kepelbagaian qiraat sahaja. Sebagai penutup, semoga kajian ini menjadi perintis kepada penerokaan aspek etimologi dalam kepelbagaian qiraat pada masa akan datang.

## Rujukan

- Al-Harbi, A. A.(1997). *Tawjih Mushkil al-Qiraat al-'Ashariyyah al-Farshiyyah Lughatan wa Tafsiran wa I'raban*. *Disertasi Sarjana*. Universiti Umm al-Qura Makkah.
- Al-'Amadi, A. S. (t.t). *Irshad al-'Aql al-Salim ila Mazaya al-Quran al-Karim*, Beirut-Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Andalusi, A. H. (2010). *Al-Bahr al-Muhit fi al-Tafsir*, Beirut-Lubnan: Dar al-Fikr.
- Al-Maqdisi, A. S. (2003). *Al-Murshid al-Wajiz ila 'Ulum Tata'allaq bi al-Kitab al-'Aziz*, Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Dimashqi, A. S. (t.t). *Ibraz al-Ma'ani min Hirz al-Amani*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Zur'ah. (1997). *Hujjah al-Qiraat*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Hamalawi, A.(1999). *Shaza al-'Araffi Fann al-Sarf*, Beirut: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Al-Alusi. (1994). *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Quran al-'Azim wa al-Sab' al-Mathani*, Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Baghawi. (1409H). *Ma'alim al-Tanzil*, Riyad: Dar Tayyibah.
- Al-Baidawi. (1998). *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*, Beirut-Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Farisi.(1984). *Al-Hujjah li al-Qurra' al-Sab'ah*, Damshik: Dar al-Ma'mun li al-Turath.
- Al-Khazin. (2004). *Lubab al-Ta'wil fi Ma'ani al-Tanzil*, Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nasafi. (t.t). *Madarik al-Tanzil wa Haqaiq al-Ta'wil*, Makkah al-Mukarramah: Maktabah Nizar Mustafa al-Baz.
- Al-Nuwairi.(2003). *Sharh Tayyibah al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*, Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Razi. (1981). *Tafsir al-Fakhr al-Razi al-Mustahir bi al-Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghaib*, Beirut-Lubnan: Dar al-Fikr.
- Al-Samarqandi. (1993). *Tafsir al-Samarqandi al-Musamma Bahr al-'Ulum*, Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Suyuti. (1426H). *Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*, Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd.
- Al-Suyuti. (2011). *Al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir al-Ma'thur*, Beirut-Lubnan: Dar al-Fikr.
- Al-Tabari. (2001). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Aiy al-Quran*, Giza: Dar Hijr.
- Al-Tha'labi. (2015). *Al-Kashf wa al-Bayan 'an Tafsir al-Quran*, Jeddah-Saudi Arabia: Dar al-Tafsir.

Perbezaan Etimologi dalam Qiraat al-Quran dan Kesannya kepada Pentafsiran : Kajian  
Terhadap Perkataan *Fa'azallahumā* (فَأَزْهَمَا)

- Al-Tha'alibi. (1997). *Al-Jawahir al-Hisan fi Tafsir al-Quran*, Beirut-Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Zabidi, M. (1972). *Taj al-'Arus Min Jawahir al-Qamus*, Kuwait: Matba'ah Hukumah al-Kuwait.
- Al-Zabidi, M. (1974). *Taj al-'Arus Min Jawahir al-Qamus*, Kuwait: Matba'ah Hukumah al-Kuwait.
- Al-Zabidi, M. (1997). *Taj al-'Arus Min Jawahir al-Qamus*, Kuwait: Matba'ah Hukumah al-Kuwait.
- Al-Zamakhshari. (2009). *Tafsir al-Kashshaf 'an Haqaiq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*, Beirut-Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Abi Dawud.(2002). *Kitab al-Masahif*, Beirut-Lubnan: Dar al-Bashair al-Islamiyyah.
- Ibn Abi Maryam.(1993). *Al-Mudah fi Wujuh al-Qiraat wa 'Ilaliha*, Jaddah: al-Jamaah al-Khairiyah li Tahfiz al-Quran al-Karim.
- Ibn al-Jazari.(2006). *al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Jazari.(2000). *Sharh Tayyibah al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*, Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn 'Atiyyah al-Andalusiy. (2001). *al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-'Aziz*, Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Hajar al-Asqalaniy. (2008). *Al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah*, Kaherah.
- Ibn Hisyam. (2003). *Mughni al-Labib 'an Kutub al-A'arib*, Saida-Beirut: Maktabah al-Asriyyah.
- Ibn Kathir. (2000). *Tafsir al-Quran al-'Azim*, Beirut-Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Khalawaih. (1979). *Al-Hujjah fi al-Qiraat al-Sab'*, Beirut: Dar al-Shuruq.
- Ibn Manzur.(2003). *Lisan al-'Arab*, Kaherah: Dar al-Hadis.
- Ignac Goldziher. (1955). *Mazahib al-Tafsir al-Islamiy*, Mesir: Maktabah al-Khanaji.
- Al-Qaisi, M. A. T. (1960). *al-Ibanah 'an Ma'ani al-Qiraat*, Kaherah: Dar Nahdah Misr.
- Al-Qaisi, M. A. T.(1974). *Al-Kahsf 'an Wujuh al-Qiraat wa 'Ilaliha wa Hijajihā*, Damshiq: Mujamma' al-Lughah al-'Arabiyyah.
- Ahmad, M. S.(1426H). *Ikhtilaf al-Binyah al-Sarfiyyah fi al-Qiraat al-Sab'* Min Tariq al-Shatibiyyah Tawjihuwa wa Atharuhu 'Ala al-Ma'na. *Disertasi Sarjana*. Universiti Umm al-Qura Makkah.
- Razali, M. A. M.(2016). Qiraat Mutawatir dan Kesannya kepada Hukum Fiqh:Kajian Pengetahuan dan Pendedahan dalam Kalangan Ilmuwan Islam di Terengganu. *Tesis Doktor Falsafah*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Karim, M. H. A., & Manas, S. A. (2017). Al-Takāful Al-Ijtīmā'i Secara Etimologi dan Terminologi Menurut Konteks Bahasa Al-Quran dan Hadis. *HADIS*, 7(13), 12-32.
- Al-Jamal, M. A.(2005). *al-Wujuh al-Balaghiiyah fi Tawjih al-Qiraat al-Quraniyyah al-Mutawatirah*. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Yarmouk Jordan.
- Al-Qurtubi, M. A. (2006). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*, Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- Al-Hawawishah, M.(2011). *Al-Hazf wa al-Ziyadah fi al-Qiraat al-'Ashr*. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Mu'tah Jordan.
- Al-Nawzawazi, M.(2018). *Al-Mughni fi al-Qiraat*, Saudi Arabia: al-Jam'iyyah al-Ilmiyyah al-Su'udiyyah li al-Quran al-Karim wa 'Ulumih.
- Muhsin, M. S.(1997). *Al-Hadi Sharh Tayyibah al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr wa al-Kashf 'an 'Ilal al-Qiraat wa Tawjihihā*, Beirut: Dar al-Jil.
- Muhsin, M. S.(1988). *Al-Mughni fi Tawjih al-Qiraat al-'Ashr al-Mutawatirah*, Beirut-Lubnan: Dar al-Jil.
- Baharom, N. (2015). Kamus Dewan, Kuala Lumpur-Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nuruddin Itr.(1993). *'Ulum al-Quran al-Karim*, Damshik: Matba'ah al-Sabah.
- Ariffin, R. M. R. (2014). Etimologi Nama dan Makna Labuan (Sabah) Berdasarkan Konsep Linguistik Perbandingan. *Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu PERTANIKA*, 1(2), 207-218.

- Shawqi Daif.(2004). *Al-Mu'jam al-Wasit*, Mesir: Mujamma' al-Lughah al-'Arabiyyah.
- Al-Thawri, S.(1983). *Tafsir Sufyan al-Thawri*, Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Supardin, S. (2019). Fikih Etimologi Inna'wa Ahwātuhā dalam memahami Ayat-ayat Hukum. *Jurnal Al-Qadau: Peradilan dan Hukum Keluarga Islam*, 6(1), 91-98.